

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
MESYUARAT , PENGGAL KE(NOT SET)
PARLIMEN KE(NOT SET)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 2 Julai 2013

SOALAN

Dato' Wira Mohd Johari bin Baharom [Kubang Pasu] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan mengenai bidang pekerjaan yang diceburi oleh golongan wanita negara ini mengikut kategori pekerjaan, sama ada kolar putih atau kolar biru. Apakah terdapat usaha kerajaan untuk memberikan kuota atau pun sasaran bagi wanita-wanita yang menceburi bidang usahawan sedangkan semua bidang pekerjaan dilihat dimonopoli oleh kaum lelaki sahaja. Jika ada berapa ramai yang telah berjaya diwujudkan oleh kerajaan sebagai usahawan wanita unggul sejak tahun 2008 hingga 2012.

JAWAPAN

Golongan wanita adalah aset negara dengan populasi 14.4 juta atau 48.6% daripada penduduk Malaysia berjumlah 29.71 juta orang pada tahun 2013. Dengan populasi hampir separuh penduduk Malaysia, Kerajaan mengiktiraf potensi wanita dalam pembangunan negara. Berikutnya peningkatan tahap pendidikan golongan wanita, kadar penyertaan wanita dalam pasaran pekerjaan telah meningkat daripada 44.7% pada tahun 1995 kepada 49.5% pada tahun 2012. Bilangan wanita yang bekerja bagi tempoh yang sama turut meningkat daripada 2.6 juta pada tahun 1995 kepada 4.6 juta pada tahun 2012. Malaysia tidak menggunakan klasifikasi kolar putih dan kolar biru dalam pengelasan pekerjaan sebaliknya pekerjaan dikelaskan mengikut Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia 2008. Berdasarkan data Jabatan Perangkaan, peratus daripada jumlah wanita yang bekerja pada tahun 2012 mengikut pekerjaan adalah seperti berikut: (i) Pengurus - 3.2% (ii) Profesional - 14.8% (iii) Juruteknik & profesional bersekutu - 9.0% (iv) Pekerja sokongan perkeranian - 18.2% (v) Pekerja perkhidmatan & jualan - 25.6% (vi) Pekerja mahir pertanian, perhutanan & perikanan - 6.5% (vii) Pekerja kemahiran pertukangan & pekerja pertukangan yang berkaitan - 4.5% (viii) Operator loji & mesin serta pemasang - 7.0% (ix) Pekerjaan asas - 11.1% Wanita masa kini lebih berani dan berkeyakinan untuk menceburi kerjaya profesional yang mana bagi tahun 2012, sebanyak 63.2% daripada doktor gigi adalah wanita manakala dalam profesion akauntan 49.6%, peguam 49.2% dan doktor perubatan 46.2%. Malah bidang kerjaya yang dulu hanya dikuasai oleh lelaki seperti juru ukur bahan kini 42.2% daripada keseluruhan jumlah juru ukur bahan adalah wanita. Begitu juga dengan profesion arkitek dan jurutera yang mana golongan wanita merupakan 34% daripada jumlah keseluruhan arkitek, 4.1% daripada jumlah keseluruhan jurutera profesional dan 20.2% daripada jumlah keseluruhan jurutera siswazah. Tuan Yang di-Pertua, Usaha berterusan untuk memperkasakan wanita telah diberi tumpuan khas dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (2011-2015). Antara usaha ini adalah meningkatkan penyertaan wanita dalam tenaga buruh, meningkatkan bilangan wanita di peringkat pembuat keputusan, meningkatkan sistem sokongan untuk wanita yang memerlukan seperti balu, ibu tunggal dan golongan berpendapatan rendah, serta menghapuskan semua bentuk diskriminasi terhadap wanita. Bagi meningkatkan penyertaan wanita dalam tenaga buruh, Kerajaan telah menetapkan sasaran untuk meningkatkan penyertaan wanita kepada 55% pada tahun 2015. Dalam usaha untuk mencapai sasaran ini, antara inisiatif yang telah dijalankan oleh Kerajaan adalah seperti 1AZAM yang telah mencatatkan penyertaan sejumlah 106,967 orang di seluruh negara mulai 2010 hingga 31 Disember 2012. Daripada jumlah tersebut, 70,224 atau 65.65% peserta adalah wanita. Selain itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bekerjasama dengan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) sebagai agensi pelaksana untuk melatih dan membangunkan usahawan wanita. Dari bulan Januari 2010 hingga 31 Disember 2012, Kementerian telah berjaya melahirkan 4,300 orang usahawan wanita. Pencapaian ini melepas sasaran awal sebanyak 4,000 orang usahawan wanita. Amanah Ikhtiar Malaysia turut mempunyai programnya yang tersendiri bagi memperkasakan golongan wanita. Sukacita saya maklumkan bahawa dari bulan Januari hingga Disember 2012, Amanah Ikhtiar Malaysia telah melaksanakan 700 program latihan keusahawanan khusus bagi wanita dan jumlah peserta yang telah mengikuti program dalam tempoh ini ialah seramai 24,994 orang. Di samping itu, Amanah Ikhtiar Malaysia terus membantu golongan wanita untuk meningkatkan pendapatan melalui pembiayaan kredit mikro yang disediakan. Bagi tempoh Januari 2009 hingga Januari 2013, Amanah Ikhtiar Malaysia telah mengeluarkan pembiayaan berjumlah RM5.42 bilion kepada 131,943 orang sahabat wanita AIM untuk membiayai kegiatan ekonomi mereka. Kerajaan menerusi SMECorp juga turut menyediakan pembiayaan khas atau soft loans kepada usahawan wanita yang menceburi perusahaan kecil dan sederhana. Mulai bulan Disember 2001 hingga 31 Disember 2012, SMECorp telah merekod sebanyak 76 syarikat milik wanita yang menerima pembiayaan tersebut yang berjumlah RM38 juta. Di samping pembiayaan khas ini, Kerajaan melalui SMECorp juga menyediakan program bimbingan kepada usahawan wanita iaitu Enrichment and Enhancement dan program Business Accelerator. Pada tahun 2012, sebanyak 27 syarikat milik wanita telah menerima manfaat daripada program Enrichment and Enhancement manakala 33 syarikat milik wanita pula telah mendapat manfaat daripada program Business Accelerator bagi tahun 2011 dan 2012.

Sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh agensi-agensi bagi membolehkan golongan wanita di negara ini dapat menyumbangkan tenaga mereka dalam pembangunan negara. Sehubungan itu, saya menyarankan golongan wanita untuk merebut peluang-peluang yang terbuka luas untuk mereka.

